

# ‘Saya tak simpati pihak ingkari kuasa raja-raja’

PM kecam tindakan individu sunting titah Sultan Perak bagi tujuan politik

**Kuala Pilah:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengecam tindakan individu tertentu menggunakan titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah yang disunting bagi tujuan politik.


Perdana Menteri berkata, beliau tidak akan bersimpati dengan mana-mana pihak yang tidak menghormati institusi diraja.

“Kita ada Perlembagaan (yang) kita patuh, jangan buat pasal. Saya tak simpati pada orang yang cuba mengingkari kuasa raja-raja,” katanya ketika berucap pada Ceramah Jelajah Perpaduan di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, mereka yang tidak berpuas hati boleh membidasnya tetapi mereka tidak boleh menyentuh Raja-raja Melayu.

“Kamu boleh maki-hamun Perdana Menteri hari-hari, sepuas hati kamu... itu hak kamu. Saya tidak ambil tindakan melainkan kalau fitnah itu terlalu berat. Sebaik sahaja kamu sentuh raja, memang kamu cari penyakit dan malapetaka,” katanya.

Kelmarin, media melaporkan Pejabat Sultan Perak membuat laporan polis berhubung satu video ditularkan yang mengaitkan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan mengheret kedudukan baginda bagi tujuan meraih kepen-



Anwar bersama calon Pakatan Harapan dan Barisan Nasional DUN di bawah Parlimen Kuala Pilah pada Jelajah Perpaduan di Kuala Pilah, kelmarin. (Foto BERNAMA)

tingan politik.

Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral Datuk Seri Diraja Tan Sri Dr Mohd Zahidi Zainuddin, dilaporkan berkata laporan polis itu dibuat oleh Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, Sabtu lalu demi melindungi nama baik Sultan Nazrin daripada diheret dan dicemari oleh mana-mana pihak bagi meraih laba politik.

Beliau berkata, pihaknya percaya pihak yang memilih bagi menularkan petikan titah Sultan Nazrin pada tahun 2013 itu bertujuan mahu mempengaruhi pengundi agar menyokong parti PAS dalam suasana menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri pada 12 Ogos nanti.

Sementara itu, Anwar berkata, nama Malaysia kini semakin

baik serta dikenali di pentas dunia berikutan tatakelola dan mempunyai dasar serta kestabilan politik yang kukuh, sekaligus menarik pelaburan luar.

Anwar berkata, perkara itu antara lain dibuktikan apabila Ketua Pegawai Eksekutif Tesla Inc, Elon Musk mahu berbincang dengan beliau sendiri bagi menyatakan komitmennya untuk membuka ibu pejabat syarikat berkenaan di Cyberjaya tahun ini.

Beliau berkata, itu satu penghormatan yang amat besar kepada Malaysia susulan dasar ekonomi, termasuk Ekonomi MADANI, yang diamalkan oleh negara, selain kepemimpinan telus Kerajaan Perpaduan.

“Politik stabil untuk apa? Saya tegaskan untuk bangunkan ekonomi dan tarik pelabur. Dulu pelabur tak datang. Kita tengok pembesar luar negara jarang datang ke Malaysia. Sekarang, minggu lalu sahaja Presiden Filipina Ferdinand Marcos Jr, dah 49 tahun beliau tak datang. Kalau datang pun sebab persidangan antarabangsa,” katanya ketika berucap pada Ceramah Jelajah Perpaduan.

Perdana Menteri berkata, Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, yang dijadual mengadakan lawatan negara Khamis ini bagi membincangkan peluang pelaburan, turut menzahirkan azam baginda untuk meningkatkan lagi hubungan Brunei dan Malaysia ke tahap paling baik dalam sejarah. BERNAMA